

PM lancar undian SMS pilih Anugerah Duta Belia Negara

KUALA LUMPUR 16 Mei - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan undian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) bagi memilih Anugerah Duta Belia Negara di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, semalam.

Pelancaran tersebut dibuat sempena sambutan Hari Belia Negara 2004 yang merupakan pengiktirafan kerajaan kepada individu-cemerlang dalam bidang diceburi.

Undian tersebut merupakan anjuran bersama akhbar sisi-pan *Utusan Malaysia* YO!-Rakan Muda, Virtual Hub Sdn. Bhd., dan Kementerian Belia dan Sukan.

Objektif anugerah itu ialah rnenggalakkan penyertaan belia dalam semangat Malaysia Boleh dan menjana sokongan kerajaan dengan kerjasama pihak swasta terhadap kerja-kerja pembangunan belia.

Selain itu ia juga mengga-akkan para belia bergiat da-lamapajua bidang yang dapat mengharumkan nama Malay-sia di peringkat antarabangsa.

Sebanyak 10 bidang diberi keutamaan iaitu sukan dan rekreasi, usahawan, teknologi maklumat, seni dan reka cipta, sains, dan teknologi, kerjaya, global dan tani.

Syarat-syarat pencalonan bagi anugerah tersebut ialah calon mesti terdiri daripada mereka yang berusia 15 hing-ga 40 tahun dan merupakan warganegara Malaysia.

Pencapaian

Selain itu, calon terbabit mempunyai pencapaian dan kejayaan yang diiktiraf oleh kerajaan dan swasta di pering-kat kebangsaan dan antara-bangsa.

Tahun lalu anugerah terse-but dimenangi oleh seorang personaliti dan model, Maznah Zulkifli.

Seramai 17 peserta belia dari lapan kategori akan dipi-lih memenangi anugerah ber-prestij itu pada tahun ini.

Calon kategori usahawan ia-lah Thayalan Nathan manaka-la kategori sains dan teknologi terdiri daripada Datin Paduka

Sharifah Mazlina Syed Abd. Kadir dan Dr. Zairil Azhar Za-ludin@Asmara.

Bagi kategori global pula, calonnya ialah Muhamad Muqharabbin Mokhtarrudin, Ahmad Reduan Rozali dan Sa-banah Hamzah.

Kategori seni dan reka cipta ialah Diyana Sharina Shari-fuddin, Zainurin Mohamad dan Ahadiat Akashah Khai-ruddin Akashah, manakala kategori sukan dan cergas ia-lah Nicole Ann David.

Kategori teknologi maklu-mat terdiri daripada Rohaimi A. Razak dan Ganesh Kumar Bangah, manakala kategori kerjaya ialah Azman Baharud-din dan Ahmad Fadzli Yaakob.

Calon kategori tani pula ia-lah Mohamad Nazri, Md. Has-san dan Badrulkhisham Mohd. Zaini.

Orang ramai boleh membuat undian melalui SMS menerusi talian 012, 013, 016 dan 019 se-hingga Disember ini dan ter-buka kepada warganegara yang berusia 15 tahun ke atas.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Menteri Belia dan Sukan, Azalina Othman Said dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohamad Khir Toyo bergambar dengan sebahagian calon Anugerah Duta Belia Negara di gerai sisi-pan *Utusan Malaysia* YO!-Rakan Muda selepas majlis pelancaran undian melalui SMS bagi memilih penerima anugerah itu di Kuala Lumpur, kelmarin.